

04 OCT 2001

MAHATHIR WAWANCARA-KWSP

PM: KWSP BERJAYA DLM PERANANNYA TETAPI PERLU MEMPUNYAI LEBIH BANYAK PILIHAN

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- "Sebagai pencarum KWSP sendiri, saya sedar akan kepentingan menyimpan," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersempena ulangtahun ke-50 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 1 Oktober, 2001.

Dalam satu wawancara sempena ulangtahun itu, Dr Mahathir berkata beliau percaya KWSP adalah satu institusi yang berjaya mengukuhkan dirinya sendiri dan beliau mengharapkan ia akan mempunyai peranan berterusan di masa depan.

Bagaimanapun, beliau berkata KWSP seharusnya tidak tersasar daripada matlamat utamanya - untuk menyediakan pendapatan persaraan kepada anggotanya - meskipun ia menilai semula peranannya dalam masyarakat dari masa ke semasa dan menangani cabaran-cabaran yang dihadapi berikutan pertambahan penduduk yang semakin tua.

Sedutan daripada wawancara berkenaan:

Soalan (S): Datuk Seri, apa yang Datuk Seri lihat peranan utama institusi seperti KWSP dalam suasana sosio-ekonomi hari ini?

Jawapan (J): KWSP ditubuhkan untuk menyediakan jaminan persaraan dan itulah peranan utamanya. KWSP perlu terus mengusahakan untuk menyediakan pendapatan persaraan bagi anggotanya. Golongan bekerja perlu menyimpan untuk menyokong mereka pada penghujung kerjaya mereka. Biasanya, kita tidak akan menyimpan sendiri melainkan kita dipaksa melakukannya. KWSP menyediakan cara yang terbaik bagi memastikan simpanan yang wajib untuk membantu kita pada usia tua.

S: KWSP ditubuhkan 50 tahun lalu dengan sasaran menyediakan aset persaraan kepada rakyat Malaysia dalam tenaga kerja. Adakah Dana ini masih relevan di waktu sekarang? Perlukan KWSP mengukuhkan peranannya sebagai instrumen keselamatan sosial? Perlukah ia berperanan lebih daripada sekadar menyediakan pendapatan persaraan?.

J: Ya, KWSP masih lagi relevan. Bagi mengukuhkan peranannya, ia tidak semestinya dilakukan dengan mengorbankan peranan utamanya - iaitu menyediakan pendapatan dan simpanan bagi tempoh selepas seseorang telah berhenti kerja.

S: Datuk Seri, pada awal penubuhan KWSP, banyak pihak yang begitu berminat untuk menyertai Dana itu. Pekerja ladang, nelayan dan petani dan malahan amah (pembantu domestik wanita) mahu menyertai skim itu. Mereka mendapat dorongan daripada keperluan untuk menyimpan di masa depan. Generasi hari ini mendapat dorongan yang berbeza. Justeru skim pengeluaran asal KWSP yang berasaskan kepada selepas persaraan telah berubah. Pencarum-pencarum mahu pengeluaran yang lebih awal. Apa komen Datuk Seri?

J: Saya tidak fikir ia suatu yang bijak. Kita patut mengingatkan diri kita sendiri akan keperluan mempunyai pendapatan yang tetap selepas bersara. Kita perlu berpegang kepada sesuatu yang akan memberikan kita pulangan yang lebih. Kita perlu berhati-hati dengan skim pengeluaran yang boleh menjejaskan "jaring keselamatan" selepas bersara. Sekiranya kita mempunyai skim yang termasuk kemungkinan pendidikan atau latihan bagi diri kita sendiri yang akan mengukuhkan kapasiti pendapatan kita sebelum atau selepas persaraan, barulah ia boleh dianggap bernilai. Bagaimanapun sekiranya pengeluaran itu adalah untuk membeli sesuatu yang akan hanya

mengurangkan simpanan, ia bukanlah satu idea yang baik. Membeli rumah, bagaimanapun, adalah sesuatu yang berbeza; ia merupakan satu pelaburan bagi masa depan.

S: Skim pengeluaran pra-persaraan - bagi komputer, rumah, pendidikan, perubatan - jelas menjejaskan aset persaraan. KWSP perlu mengimbangi semua permintaan ini bagi pengeluaran awal dengan matlamat utamanya. Bagaimana KWSP harus melakukan ini?

J: Sekiranya pengeluaran bukan bagi penggunaan tetapi sebagai satu pelaburan di masa depan, barulah ia suatu perkara yang baik. Katakanlah anda mahu mengeluarkan simpanan KWSP untuk membeli komputer bagi diri anda sendiri, anda telah mengukuhkan kemahiran anda. Tetapi jika anda mahu mengeluarkan bagi penggunaan tanpa menambah kepada potensi untuk meningkatkan pendapatan, saya tidak menggalakkannya.

S: Jadi ini sepatutnya menjadi prinsip panduan - pengeluaran awal sepatutnya didorong oleh keupayaan mereka untuk mengukuhkan potensi dan pendapatan?

J: Ya.

S: Adakah Datuk Seri rasa apabila rakyat Malaysia hidup lebih lama, mereka harus mencarum lebih banyak kepada KWSP? Seperti yang Datuk Seri tahu, jangka hayat di negara kita telah meningkat.

J: Ya, saya rasa mereka patut tetapi mereka juga patut terus bekerja untuk jangka masa yang lebih lama. Dengan itu, simpanan mereka adalah lebih banyak, tetapi harapan mereka tentang taraf kehidupan juga harus lebih tinggi. Jadi mereka memerlukan lebih banyak pendapatan dalam jangka panjang. Oleh itu, adalah lebih penting bagi mereka terus menyimpan menerusi KWSP.

S: Pada awal penubuhannya, KWSP melabur dalam sekuriti kerajaan Malaysia (MGS) dan bertanggungjawab dalam banyak pembiayaan pembangunan. Kemudian, dengan wujudnya projek-projek penswastaan, MGS menjadi kurang penting. KWP terpaksa mempelbagai pelaburannya dalam bidang-bidang lain. Kini, KWSP menjadi terlalu besar, adalah menjadi satu cabaran untuk melabur secara cekap. Bagaimana KWSP boleh memberikan nilai pelaburan? Apakah idea-idea baru yang harus dimilikinya?

J: Ya, KWSP kini amat besar. Agak jelas, kerajaan tidak dapat menyerap semuanya. Kita ada sumber-sumber pembiayaan yang lain. Oleh itu, KWSP harus mula mencari pendapatan daripada pelaburannya dalam sumber-sumber lain. Antara lain, ia harus melihat kepada sektor swasta. Terdapat cadangan yang mereka harus melabur di luar negara. Tetapi mereka harus berhati-hati - khususnya mengenai harapan para pencarum mereka.

Pencarum KWSP mesti belajar bahawa pelaburan mereka tidak dijamin. Tiada pelaburan yang terjamin. Ya, pinjaman kepada kerajaan dan bon adalah pelaburan yang selamat tetapi oleh kerana kerajaan tidak mempunyai keupayaan untuk menyerap dana-dana KWSP, KWSP harus melabur dengan cergas dalam bidang-bidang lain seperti dalam sektor swasta yang mempunyai risiko.

Bila ada kemelesetan, contohnya, pulangan adalah rendah dan pencarum seharusnya tidak mendesak yang mereka berhak mendapat dividen yang sama walaupun jika pulangan rendah. Jadi ini bukan pelaburan, ia menjadi faedah. Kita bukan institusi pemberi pinjaman dan meminjam kepada syarikat-syarikat untuk mendapatkan faedah tetap; kita melabur dalam syarikat. Walaupun pelaburan kita berasaskan pelaburan Islam, ia masih bergantung kepada prestasi syarikat. Jika perniagaan gagal, maka pelaburan kita rugi.

Dalam sebarang pelaburan, mesti ada risiko, dan pencarum mesti menjangkakannya. Mereka tidak boleh mengharapkan pulangan tetap, yang pada

asasnya adalah faedah. Lagipun, para ahli itu sendiri tidak memberi pinjaman kepada KWSP, mereka mencarum kepada KWSP. Inilah perbezaan yang penting.

S: Datuk Seri, pada asasnya, adakah minda ahli mesti berubah?

J: Ya, para ahli mesti mengubah minda mereka dan melihat dividen daripada segi yang berbeza. Mereka tidak boleh mengharap dividen yang lebih tinggi apabila suasana pelaburan lesu. Ini sama dengan para pekerja meminta gaji yang lebih tinggi apabila syarikat kerugian wang.

S: Keahlian KWSP hari ini telah meningkat kepada 10 juta ahli, iaitu bilangan yang amat besar. Ia diperhati hampir setiap hari kerana hampir apa sahaja yang ia lakukan, terdapat juga isu-isu politik yang tidak dapat dielak apabila ia melibatkan kesatuan-kesatuan. Yang jelas ada kebimbangan bahawa pemerhatian bentuk ini boleh berlipat ganda dan menjejaskan peranan dan kewibawaan institusi ini. Apakah yang KWSP boleh lakukan untuk menanganinya. KWSP mahu menjadi lebih telus tetapi jelas terdapat juga halangan-halangan. Apakah pandangan Datuk Seri?

J: KWSP mesti telus tetapi sebelum pelaburan mereka dibuat mereka terpaksa berahsia. Hakikat apabila sahaja KWSP hendak memasuki pasaran untuk membeli saham akan meningkat nilai saham-saham itu. Jadi, sementara anda perlu telus, anda juga perlu bertanggungjawab kepada ahli-ahli anda dalam cara-cara lain. Mungkin KWSP boleh menyenaraikan terlebih dahulu jenis pelaburan yang ia akan ceburi. Contohnya, KWSP boleh menyatakan yang ia hanya melabur dalam saham-saham mewah atau sektor-sektor tertentu. Dengan cara ini, anda menyatakan dasar anda dan anda menjadi lebih jelas dalam proses ini.

S: Adakah Datuk Seri percaya KWSP harus lebih telus, iaitu ia harus berkomunikasi lebih kerap dengan ahli-ahlinya?

J: Mungkin tidak secara langsung. Ia mesti terbuka. Ia mesti responsif kepada kemusykilan-kemusykilan. Tetapi seharusnya ia tentang keperihatinan sebenar para pencarum, dan bukan sebilangan kumpulan yang "ada udang di sebalik batu."

S: KWSP memang telah menjadi telus sejak 1954, apabila ia mula menghantar kenyataan-kenyataan tahunan kepada para ahli. Tetapi haruskan KWSP mengubah cara pengurusannya - haruskah ia mempunyai budaya yang berbeza, mula beroperasi seperti bank, dan lebih rapat dengan orang ramai yang menjadi pelanggannya".

J: Jelas terdapat had tentang apa yang KWSP boleh lakukan, untuk berhubung dengan para ahli. Sebaliknya, akan ada perbelanjaan perhubungan awam yang besar dan lain-lain. Semua ini akan menjadi tanggungan kos kepada para pencarum.

S: Datuk Seri, sempena ulangtahun ke-50 KWSP, sebaik mana Datuk Seri fikir Dana KWSP telah diuruskan, pada pandangan Datuk Seri?

J: Saya rasa ianya telah diuruskan dengan baik. Saya telah bercakap dengan ramai orang, dalam lingkungan antarabangsa, dan mereka agak heran yang kita mempunyai sebuah institusi seperti KWSP. Banyak negara tidak mempunyai langsung skim untuk persaraan. Sudah tentu, sektor swasta mungkin mempunyai beberapa skim tetapi mereka dibiarkan sendiri.

Malaysia telah menbes bns bem